

23 JUN 2003

KENG YAIK: NEGARA PERLU KEADAAN POLITIK STABIL UNTUK MENGHADAPI CABARAN

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Malaysia memerlukan keadaan politik yang stabil untuk memberi tumpuan dalam mengatasi beberapa cabaran politik dan ekonomi yang berpunca dari luar atau dalam negara, kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Beliau berkata kestabilan itu jelas kelihatan melalui semangat perpaduan yang tinggi yang dipaparkan oleh ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin Umno semasa Persidangan Agung Umno yang berakhir Sabtu lepas.

"Ini memberi kepercayaan kepada seluruh negara untuk kita bersama-sama menghadapi cabaran pada masa hadapan," katanya pada sidang media selepas merasmikan dialog dengan pengusaha minyak kelapa sawit mengenai pengeluaran pulpa menggunakan bahan buangan tandan buah kelapa sawit kosong.

Dr Lim yang juga Presiden Parti Gerakan, berkata persidangan pada kali ini menunjukkan kematangan Umno dan Malaysia sebagai sebuah negara demokratik.

"Kestabilan politik dan ekonomi dikenal pasti melalui usaha-usaha kerajaan seperti pengumuman pakej rangsangan ekonomi untuk meningkatkan aktiviti ekonomi. Langkah ini perlu supaya ekonomi negara berkembang lebih pesat," katanya.

Beliau berkata pemindahan kuasa sebagai presiden Umno daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.

-- BERNAMA

PK AHH RHM